



Khutbah Aidilfitri

Majlis Ugama Islam Singapura

25 Jun 2017 / 1 Syawal 1438H

ISLAM MENGHORMATI BUDAYA SETEMPAT

الله أكبر × ٩ كالي

الله أكبر مَا تَعَالَتْ أَصْوَاتُ النَّاسِ بِالتَّكْبِيرِ

الله أكبر مَا تَفَتَّحَتْ أَبْوَابُ السَّمَاءِ فِي هَذَا الصَّبَاحِ الْكَبِيرِ

الله أكبر مَا تَنَزَّلَتْ عَلَيْنَا رَحْمَةُ إِلَهِ الْعَالِيِّ الْقَدِيرِ

الله أكبر مَا تَقَارَبَتْ قُلُوبُ الْمُسْلِمِينَ فِي هَذَا الْيَوْمِ الْمُنِيرِ

الله أكبر ، الله أكبر ، الله أكبر ،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَ اللهُ أَكْبَرُ ، اللهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ .

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمَدَّ أَوْلِيَاءَهُ بِالتَّوْفِيقِ ، وَأَلْهَمَهُمْ كَلِمَةَ الْحَقِّ

وَالْتَّصِدِيقِ ، وَأَرشَدَهُمْ إِلَى أَوْضَحِ مَحَجَّةٍ وَطَرِيقٍ ، وَجَعَلَهُمْ

بِرَحْمَتِهِ خَيْرَ أُمَّةٍ وَفَرِيقٍ ، أَحْمَدُهُ عَلَى النِّعْمَةِ الَّتِي بِهَا حَبَانَا ،

وَأَشْكُرُهُ عَلَى الْمِلَّةِ الَّتِي بِهَا هَدَانَا .

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
 عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
 آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ اهْتَدَىٰ بِهِدْيِهِ
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِي نَفْسِي وَإِيَّاكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ
 وَطَاعَتِهِ.

Muslimin Muslimat yang saya kasihi,

Pada pagi yang penuh dengan kegemilangan ini, marilah kita panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah s.w.t. atas nikmat beribadah dan peluang menerima curahan rahmahNya sepanjang bulan Ramadan yang baru meninggalkan kita. Mudah-mudahan segala kebaikan serta ibadah yang telah kita persembahkan untuk Allah sepanjang Ramadan menjadi pencetus untuk kita terus kekal bertakwa dan gigih menagih rahmahNya sepanjang tahun. Semoga ketakwaan yang telah kita semai sepanjang Ramadan yang lalu akan terus menjadi perhiasan diri kita sesuai dengan firman Allah s.w.t. pada ayat 26 Surah Al-'Araf:

يَبْنِيْءَ آدَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُورِي سَوْءَاتِكُمْ وَرِيشًا وَلِبَاسُ
 التَّقْوَى ذَٰلِكَ خَيْرٌ ذَٰلِكَ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ لَعَلَّهُمْ يَذَّكَّرُونَ ﴿٢٦﴾

Yang bermaksud “*Wahai anak Adam, sesungguhnya telah kami kurniakan bagimu pakaian untuk menutupi auratmu serta sebagai perhiasan indah. Dan [ketahuilah bahawa] pakaian ketakwaan itulah sebaik-baik pakaian. Yang demikian itu adalah tanda-tanda kekuasaan Allah bagi mereka yang selalu beringat*”

Saudara Muslimin Muslimat yang dirahmati Allah,

Pada saat ini, ramai di kalangan kita sudahpun berpakaian indah serba cantik sesuai dengan adat serta sunnah kita menyambut Hari Raya Aidilfitri. Ini sesuai dengan sunnah Nabi s.a.w. yang menganjurkan kita untuk menyambut Aidilfitri dengan kemeriahan serta kegembiraan. Saidatina Aishah r.a. pernah diriwayatkan berkata:

وَاللَّهِ لَقَدْ رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - يَقُومُ عَلَى بَابِ حُجْرَتِي
- وَالْحَبَشَةُ يُلْعَبُونَ بِحِرَابِهِمْ فِي مَسْجِدِ رَسُولِ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ -
يَسْتُرْنِي بِرِدَائِهِ لِكَيْ أَنْظَرَ إِلَى لَعِبِهِمْ

“*Demi Allah, Aku pernah melihat Rasulullah s.a.w berdiri di hadapan pintu rumah ku, dan orang daripada Habsyah bermain dengan tombak mereka di dalam masjid Nabi s.a.w. Rasulullah lalu menutupi aku dengan selendangnya agar membolehkan aku menonton permainan mereka.*” [Hadith riwayat Imam Al-Bukhari dan Muslim]

Pada riwayat yang lain, terdapat penjelasan bahawa kejadian ini berlaku ketika mereka menyambut hari raya. Diriwayatkan bahawa Saidina Umar r.a. ketika menyaksikan permainan serta tarian tersebut di dalam masjid Nabawi, beliau tidak berapa menyukainya dan berpandangan ia tidak sesuai untuk dilakukan sedemikian rupa. Ketika itu Nabi s.a.w. memerintahkan Saidina Umar untuk membiarkan mereka dengan cara mereka menyambut perayaan, kerana itu adalah adat dan budaya mereka.

Subhanallah saudara! Kisah ini menunjukkan bagaimana indahnya agama kita ini. Dalam menganjurkan kita untuk menyambut Hari Raya serta bergembira, Islam tidak pernah menetapkan cara yang tertentu untuk menyambut lebaran. Asalkan ia menepati panduan asas agama dengan segala adab dan tertibnya, maka ia dibenarkan. Setiap kaum itu memiliki adat dan budayanya sendiri. Bagi kaum Arab, kebiasaan dan budaya mereka, dan begitu juga bagi kaum Melayu, India dan juga Cina adat dan budayanya masing-masing.

Kita menyaksikan cara menyambut hari raya yang berbeza daripada satu masyarakat Islam kepada masyarakat yang lain. Ia melambangkan ciri keanjalan Islam yang menjadikannya mampu untuk kekal relevan di mana sahaja ia berada. Ia dapat memandu manusia dengan nilai-nilai murni tanpa perlu memaksa mereka mengabaikan mahupun menafikan kebiasaan adat resam serta budaya mereka.

Saudaraku, keghairahan untuk hidup dengan cara yang lebih Islamik, itu sesuatu yang positif. Ia melambangkan kesungguhan iman seorang mukmin, dan bagaimana beliau sentiasa berusaha untuk mencari dan meraih keredhaan Allah s.w.t. Akan tetapi, ia tidak bermakna bahawa kita perlu meninggalkan adat resam yang baik dan selari dengan nilai Islam. Sebagai contoh, telah menjadi adat masyarakat Islam di rantau ini untuk saling memohon kemaafan daripada saudara mara yang dikunjunginya. Memohon kemaafan sesama kita adalah ajaran Al-Quran. Firman Allah s.w.t yang berbunyi:

وَلَا يَأْتَلِ أُولُو الْفَضْلِ مِنْكُمْ وَالسَّعَةِ أَنْ يُؤْتُوا أُولِي الْقُرْبَىٰ
وَالْمَسْكِينِ وَالْمُهَاجِرِينَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلْيَعْفُوا وَلْيَصْفَحُوا أَلَا
يُحِبُّونَ أَنْ يَغْفِرَ اللَّهُ لَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٢٢﴾

Yang bermaksud “Dan janganlah mereka yang mewah di kalangan kamu bersumpah untuk tidak mahu lagi menolong kaum kerabat dan orang miskin serta mereka yang berhijrah pada jalan Allah; hendaklah mereka memaafkan serta melupakan kesalahan orang; tidakkah kamu suka supaya Allah mengampunkan dosa kamu? Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.” [Surah An-Nur, ayat 22].

Tambahan pula, dengan kesibukan kehidupan masakini, Hari Raya adalah peluang untuk kita bertemu sanak-saudara. Bukankah

ini waktu terbaik untuk kita saling memohon maaf? Ia juga sesuai dengan semangat Aidilfitri iaitu kembali kepada fitrah dan suci daripada dosa. Maka apabila kita bertemu sanak-saudara serta rakan dan taulan, kita memohon kemaafan dengan harapan kita dapat mencapai maksud daripada Aidilfitri iaitu bukan terampun dosa terhadap Allah, tetapi juga terhapus segala dosa dan kesalahan sesama manusia. Budaya ini juga dapat melenturkan keegoan diri apabila jiwa didorong untuk bersedia memaafkan kesalahan orang lain. Ini pastinya sesuatu yang selari dengan landasan syara', kerana ia memperkukuh hubungan antara keluarga dan rakan taulan. Ketahuilah saudara, selagimana tidak ada sebarang larangan jelas di dalam agama maka sesuatu budaya mahupun kebiasaan amalan sesuatu kaum itu adalah dibenarkan agama.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar,

Allahu Akbar Wa Lillahil Hamd

Ma'asyiral Muslimin Wa Zumratal Mukminin

Begitulah Islam! Ia mengiktiraf peranan adat kebiasaan di sesuatu tempat sehinggakan terdapat kaedah di dalam ilmu fiqh yang menyatakan "Adat [kebiasaan sesuatu kaum dan tempat] menjadi penentu [sesuatu hukum]" apabila tiada sebarang nas agama yang jelas. Prinsip agama kita ini bertujuan antara lain untuk membolehkan seorang Muslim untuk dapat merasa yakin dengan keimanannya dan pada masa yang sama selesa untuk kekal dengan budayanya yang

selari dengan nilai Islam. Justeru itu, umat Islam di daerah nusantara Melayu, sebagai contoh, tidak perlu merasakan bahawa mereka tidak dapat menjadi Muslim yang sempurna sekiranya mereka tidak meninggalkan sama sekali adat resam budaya mereka, atau kerana mereka jauh daripada tanah suci Mekkah dan Madinah.

Sejarah membuktikan bahawa ketika Islam tiba di rantau ini, Islam tidak menghapuskan budaya masyarakat tempatan selagimana ia selari dengan agama. Agama kita ini menghargai semua bentuk budaya, seni dan juga sastera yang baik. Bahkan Al-Quran itu sendiri telah dikaji dan dibaca dari segi sastera, kerana keindahan gaya bahasanya. Islam mengajar insan bahawa kecintaan seseorang kepada agamanya tidak bercanggah dengan cintanya kepada negara, bangsa dan budayanya. Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan Ibn Hibban, terdapat kisah seorang sahabat bernama Fudaik, yang bertanya kepada Nabi s.a.w. berkaitan hijrah ke kota Madinah. Persoalan tersebut telah diajukan kerana beliau memilih untuk menetap di sisi kaumnya yang tidak beragama Islam. Nabi s.a.w. bersabda:

يَا فُدَيْكَ أَقِمِ الصَّلَاةَ، وَآتِ الزَّكَاةَ وَاهْجُرِ السُّوءَ، وَاسْكُنْ مِنْ أَرْضِ
قَوْمِكَ حَيْثُ شِئْتَ

Yang bermaksud: *“Wahai Fudaik, dirikan solat, tunaikan zakat, dan jauhi keburukan. Dan tinggallah di negara kaum mu seperti yang engkau inginkan.”* [Hadith riwayat Ibn Hibban]

Dalam sebuah riwayat yang lain, Nabi bersabda:

الْبِلَادُ لِلَّهِ وَالْعِبَادُ لِلَّهِ وَحَيْثُمَا أَصَبْتَ خَيْرًا فَأَقِم

Yang bermaksud: “*Bumi itu adalah bumi Allah, dan semua manusia adalah hamba Allah. Maka di mana sahaja kamu mendapati kebaikan, maka menetaplah di sana.*” [Hadith riwayat Imam Ahmad]

Hadith-hadith ini memberikan kepada kita panduan kehidupan yang jelas. Bahawa seorang itu boleh hidup sebagai Muslim yang baik Islamnya di mana sahaja beliau berada. Beliau menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat setempat. Menyumbang dan membangun sehingga kebaikannya dirasai dan kewujudannya dihargai oleh sesiapa sahaja yang ada di sekelilingnya.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar,

Allahu Akbar Wa Lillahil Hamd

Saudaraku rahimakumullah,

Panduan agama yang baru saya nyatakan sebentar tadi, perlu kita hayati dengan mendalam. Ini kerana apabila seorang individu mukmin gagal memahaminya, ia boleh mendorong dirinya untuk memaksakan suatu adat yang asing kepada kebiasaan serta budaya masyarakat yang telah ada. Lebih

bermasalah lagi jika ia menyangka yang asing itu lebih Islamik daripada apa yang kita ada.

Sikap yang sedemikian biasanya timbul daripada faktor cepat terpesona dengan sesuatu yang baru dan kelihatan seperti luar daripada kebiasaan. Sebagai contoh, masyarakat Singapura telah membangunkan budaya kerja yang berpaksikan produktiviti, ketinggian mutu, sehinggakan dengan kurniaan Allah, kita telah berjaya membangunkan sebuah negara yang dikagumi dunia. Pasti budaya kerja seperti ini, yang meluas di dalam masyarakat Singapura, selari dengan ajaran Nabi s.a.w. Ia juga selari dengan budaya masyarakat kita yang mendorong sikap bergotong-royong, pada segenap aspek kehidupan.

Ini merupakan kebiasaan masyarakat kita yang telah kita corakkan menjadi budaya hidup kita bersama. Lihat sahaja budaya kita sepanjang Ramadan saban tahun. Sebagai umat yang berpuasa, kita tidak pernah mencari sebab dan alasan untuk menjadikan Ramadan musim untuk bermalas-malasan.

Oleh itu, saudara, hargai adat dan budaya murni yang telah sedia ada dan kekal subur ditengah-tengah kehidupan kita, yang selari dengan panduan agama. Usah mudah terpesona dengan apa sahaja yang datang dari luar. Islam tidak bertambah kukuh dengan hanya sekadar berpakaian mengikut gaya orang lain atau berbicara mengikut lenggok bahasa orang lain.

Yang akan memberikan kemuliaan kepada agama dan masyarakat kita ialah kefahaman, penghayatan, ilmu, kesungguhan, keperibadian, matlamat yang jelas, dan kesatuan. Inilah nilai-nilai yang seharusnya menjadi budaya dan identiti kita.

Oleh itu, kita perlu sentiasa berwaspada dengan diayah dan seruan yang tidak pasti sumbernya. Apatah lagi di zaman teknologi masakini dan penggunaan media sosial yang tersebar luas. Terdapat banyak individu yang gigih berusaha memesongkan pemahaman agama jauh dari nilai rahmah dan kebaikan yang dipancarkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Tanpa pemahaman yang baik lagi sempurna, kita mungkin terpesong. Ada pula yang termakan dengan seruan untuk menyertai konflik, peperangan dan keganasan. Perbuatan sedemikian mencemarkan kemurnian agama kita. Ia merosakkan imej agama dan masyarakat dan mengelirukan umat manusia terhadap Islam. Segala kebaikan yang telah kita usahakan sebagai masyarakat Islam boleh sahaja terjejas dengan perbuatan mereka yang inginkan kekecohan dan keganasan.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar,

Allahu Akbar Wa Lillahil Hamd

Saudaraku,

Marilah sama-sama kita memainkan peranan menjaga kemurnian agama. Marilah kita hidupkan nilai rahmah yang

telah kita semai sepanjang Ramadan di dalam seluruh kehidupan kita. Marilah kita memelihara kesucian agama kita. Marilah kita merubah tanggapan orang terhadap agama yang kita cintai ini. Jadikanlah ia tanggapan positif. Oleh itu, seandainya kita mengenali seseorang yang melahirkan hasrat untuk menyertai apapun tindakan ganas, kita perlu mendapatkan bantuan secepat mungkin sebelum mereka semakin terlibat dan terlewat.

Semoga Allah merahmati usaha kita untuk memastikan bahawa diri kita sekeluarga memperoleh pengajaran dan panduan agama yang tepat insyallah. Amin Ya Rabbal 'alamin.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar,

Allahu Akbar Wa Lillahil Hamd

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.

Khutbah Kedua

25 June 2017 / 1 Syawal 1438

الله أكبر 7x

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَعَادَ الْأَعْيَادَ وَكَرَّرَ. أَحْمَدُهُ سُبْحَانَهُ أَنْ
خَلَقَ وَصَوَّرَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
شَهَادَةً يَثْقُلُ بِهِ الْمِيزَانُ فِي الْمَحْشَرِ. اللَّهُمَّ فَصِّلْ وَسَلِّمْ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الْفَاتِرِينَ بِالشَّرَفِ
الْأَفْخَرِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا
وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

وَصَلُّوا عِبَادَ اللَّهِ عَلَى رَسُولِ الْهُدَى وَخَيْرِ الْوَرَى فَقَدْ
أَمَرَكُمْ بِذَلِكَ الْمَوْلَى جَلَّ وَعَلَا حَيْثُ قَالَ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ، يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى رَسُولِكَ الْمُجْتَبَى وَنَبِيِّكَ الْمُصْطَفَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَفْضَلِ الْخَلْقِ وَخَيْرِ الْوَرَى. وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَهْلِ الصِّدْقِ وَالْوَفَى.

اللَّهُمَّ وَارِضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ
وَعَلِي، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَتَابِعِيهِمْ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ إِنَّكَ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَغَافِرُ
الذُّنُوبِ وَالْخَطِيئَاتِ. رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنْفُسَنَا وَإِنْ لَمْ تَغْفِرْ لَنَا
وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ. رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ
هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ. رَبَّنَا
آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ مَعَ الْأَبْرَارِ. يَا اللَّهُ يَا عَزِيزُ يَا غَفَّارُ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ، وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ،
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ
مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.